

UNIVERSITI SAINS MAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1992/93

April 1993

**YMP 204/NKM 023 - Kewartawanan I**

Masa: [3 jam]

---

Jawab **TIGA (3)** soalan. Soalan 1 adalah diwajibkan.

1. Berdasarkan catatan di bawah, tulis sebuah berita lengkap. Andaikan anda menulis untuk sebuah akhbar nasional.
  - a. Mahkamah Tinggi Pulau Pinang  
Tarikh: Hari ini.
  - b. Hakim: Tan Sri Kamarool Zakariah
  - c. Yang dituduh/tuduhan:
    - i. Seorang tukang kayu, Ahmad Zainoor Rahman, berumur kira-kira 37 tahun. Dituduh di bawah Akta Dadah Berbahaya - Seksyen 38 (B), jika sabit kesalahan, hukuman gantung mandatori.
    - ii. Din Roy a/k Somchit (juga dikenali sebagai Din Siam), seorang pekerja Ladang Tebu Laka Temin. Umur 28 tahun. Dituduh bersama-sama dengan tertuduh pertama.
    - iii. Mohd. Tamin Abu Bakar, 28 tahun. Pekerja ladang di Batu Puteh Estate. Dituduh bersubahat, tetapi Pendakwa Raya menarik balik tuduhan terhadapnya dan Tamin menjadi saksi pendakwa.
    - iv. Idris Sazali, berumur 19 tahun. Dituduh bersubahat, tetapi Pendakwa Raya menarik balik tuduhan terhadapnya.

- d. Dalam sidangnya pagi ini, mahkamah mendapati tertuduh pertama bersalah. Tertuduh kedua juga didapati bersalah atas tuduhan yang dipinda. Tertuduh pertama dihukum mati, dan tertuduh kedua dihukum penjara 10 tahun dan dikenakan enam kali sebatan.
- e. Mahkamah menjadi kacau bilau dan gempar. Dua kejadian.
  - i. Hakim menghalau keluar dua orang dari mahkamah kerana mereka didapati menabur kemenyan sedang perbicaraan dijalankan. Mereka dipercayai bomoh upahan orang yang dituduh. Polis terpaksa dipanggil kerana mereka enggan meninggalkan mahkamah.
  - ii. Ibu kepada tertuduh pertama pengsan setelah hakim menjatuhkan hukuman. Dibawa keluar dan dimasukkan ke hospital sebagai pesakit luar.
- f. Peguambela tertuduh akan membuat rayuan.
- g. Tertuduh pertama ditangkap bersama tertuduh kedua di Pengkalan Sultan Abd. Halim, Butterworth pada 22 Jun 1992. Tatkala ditahan mereka didapati memiliki dadah berjumlah 1,580 gram. Tertuduh ketiga dan keempat juga berada dalam kereta yang sama. Mereka dalam perjalanan dari Alor Setar ke Pulau Pinang ketika ditangkap. Menurut polis mereka ditangkap hasil maklumat orang ramai.
- h. Tertuduh pertama, ketika dibawa keluar selepas perbicaraan, sempat berjumpa bapanya (emaknya telah dibawa ke hospital) dan sanak saudara lain. Dia kelihatan bersalaman dengan mereka. Ramai kelihatan menitiskan air mata.

(40 markah)

2. Dalam ucapannya di World Press Convention pada tahun 1985 di Kuala Lumpur, Dr. Mahathir telah menyerang hebat model libertarian. Bincangkan butir-butir serangan tersebut dan sebutkan juga alternatif yang sesuai untuk Malaysia seperti yang disarankan oleh Dr. Mahathir.

(30 markah)

3. Dalam artikel "The Erosion of Press Freedom" (Mediawatch, 1990), Raja Aziz Addruse telah menyentuh beberapa Akta yang melibatkan kebebasan berakhbar di negara ini. Bincangkan akta-akta tersebut serta peruntukan masing-masing berhubung dengan perakhbaran di Malaysia.

(30 markah)

4. Nilai berita di negara maju berbeza dari nilai berita dalam akhbar di negara-negara membangun. Jelaskan perbezaan tersebut.

(30 markah)